



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERJUANGAN GERAKAN PELAJAR MELAYU  
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)  
MALAYSIA, 1970-1980-AN**

**KHAIRIN BIN SHAREP**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\u2225)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa desertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mananya hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

\_\_\_\_\_  
Tarikh\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS  
PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: \_\_\_\_\_

No. Matrik / Matric No.: \_\_\_\_\_

Saya / I: \_\_\_\_\_

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmii/ Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah kerana mengurniakan kesihatan dan kelapangan waktu untuk menyempurnakan disertasi yang bertajuk “Perjuangan Gerakan Pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia, 1970-1980-an” sebagai syarat memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia).

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada penyelia saya, iaitu Dr. Nazirah Lee kerana banyak memberi dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses menyempurnakan disertasi ini. Semoga ilmu yang dicurahkan beliau dapat saya manfaatkan untuk kemajuan diri serta kepentingan agama dan bangsa.

Di samping itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya rakamkan kepada pihak terlibat yang sudi ditemu bual sebagai responden atau sumber lisan kepada kajian ini. Mereka yang dimaksudkan ialah Datuk Prof. Muhammad Abu Bakar dan Encik Hishamuddin Rais. Ucapan terima kasih juga kepada Encik Syed Hasan Syed Ali (Setiausaha Agung Pertubuhan Pribumi Perkasa, PERKASA), Encik Ramli Ibrahim (Aktivis Sosial) dan Prof Dr. Adnan Nawang dalam memberikan maklumat berhubung sumber-sumber diperlukan dalam kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada bonda tercinta, Norlela Binti Mat Lasim yang memberi semangat dan dorongan kepada saya untuk menyempurnakan disertasi ini. Penghargaan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Unit Arkib Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Universiti Tun Abdul Razak, Shah Alam, pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), rakan-rakan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu memberikan idea ke arah usaha menyiapkan disertasi ini dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini menganalisis perjuangan gerakan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi Malaysia, tahun 1970 hingga 1980-an. Gerakan pelajar Melayu tercetus berikutan perkembangan dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan meningkatkan kedudukan masyarakat Melayu. Kajian ini memaparkan intipati utama perjuangan gerakan pelajar Melayu menerusi tuntutan kesejahteraan masyarakat berasaskan kepada pendefinisian mereka sendiri. Kesejahteraan masyarakat pada perspektif mereka merujuk kepada kemajuan masyarakat Melayu meliputi aspek ekonomi, sosial dan kerohanian. Kajian ini menganalisa pandangan gerakan pelajar Melayu berhubung kedudukan agama dan bangsa; berdasarkan corak perjuangan serta elemen yang mempengaruhi pemikiran mereka. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Analisis kepada sumber sejarah sepanjang 1970-an iaitu surat-menjurut dan risalah perjuangan yang diterbitkan oleh gerakan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Teknologi MARA (ITM) dan Universiti Malaya (UM) menunjukkan intipati perjuangan memartabatkan bangsa Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan menjadi keutamaan gerakan pelajar Melayu tahun 1970-an. Sementara itu, Penyata Rasmi Parlimen turut mencatatkan bahawa aktiviti pelajar menjurus kepada penambahbaikan ekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu. Perkara ini berubah pada 1980-an. Surat-menjurut dan risalah perjuangan pelajar di institusi berkenaan menunjukkan perjuangan mereka ditumpukan kepada usaha masyarakat meningkatkan moral dan menentang budaya hedonisme. Ini memperlihatkan bahawa gerakan pelajar memberi perhatian khusus kepada kesejahteraan masyarakat. Temu bual dengan bekas pemimpin pelajar pada 1970-an pula menunjukkan bahawa pemimpin pelajar sosialis dianggap tidak memberi perhatian khusus kepada kepentingan Melayu. Pendekatan tersebut menyebabkan perjuangan pemimpin pelajar sosialis kurang mendapat sambutan berbanding pemimpin pelajar ‘ultra Melayu’. Ringkasnya, gerakan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi sepanjang tempoh kajian ini berkait rapat kesejahteraan masyarakat dan ia terlihat jelas menerusi isu-isu yang mereka perjuangkan kepada pemerintah dan pentadbir meliputi gesaan peningkatan ekonomi, pendidikan serta memelihara moral masyarakat Melayu. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan baru dalam sejarah kerana ia membawa dimensi baru dalam pemahaman berhubung gerakan pelajar di Malaysia yang sebelum ini hanya disinonimkan dengan gerakan politik sahaja.





## THE STRUGGLE OF THE MALAY STUDENT MOVEMENTS IN MALAYSIAN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING, IN 1970-1980S

### ABSTRACT

This study analyzes the struggle of the Malay student movements in Malaysian institutions of higher learning in 1970 to the 1980s. Malay student movements were a response to the policies implemented by the government, namely the New Economic Policy (NEP) which was aimed to enhance social standing of the Malays. Hence, the main focus of this study is the essence of their insistence on social well-being. This study analyzes student movements' sentiment regarding religion and nation; as well as struggles and elements that influenced them. The study is conducted based on qualitative methods. A close scrutiny on historical sources of the 1970s such as personal letters and pamphlets published by the student movements in UKM, ITM and UM suggest that their main focus was to elevate social standing of the Malays in the sphere of economy and education. The same conclusion derived from the hansards published in that period as the documents stated that the student movements were eager to enhance the financial background of the Malays and improve their education. The watershed occurs in the 1980s. Information derived from the letters and pamphlets belong to the student movements show that their focus shifted to enhance moral values and rejecting hedonism. This approach demonstrates that students' movements put the priority to the strive of creating a well-being society. Interview conducted with former student leader in the 1970s suggests that socialist student leaders were accused of abandoning the Malay interests by the university students. That led to the unpopularity of the socialist student leader compared to "ultra Malay" leader. In summary, Malay student movements in the period of this study attempted to establish a well-being society. It was clearly depicted their adjures toward establishments including economy, education, and moral improvements of Malays. This study contributes to a new knowledge in Malaysian history. A new dimension of the history of student movements especially on their role, offers a new understanding on the history of student movements which was only depicted as a political movement in the previous studies.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI FOTO</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi



### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Metodologi Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Sorotan Kajian Lepas	16
1.9 Pembahagian Bab	23
1.10 Kesimpulan	25





## BAB 2 SEJARAH PERKEMBANGAN GERAKAN PELAJAR IPT DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan	26
2.2 Konsep Kesejahteraan Masyarakat Awal Abad Ke-20 Hingga 1950-an	27
2.3 Gerakan Pelajar di Tanah Melayu, 1950-1960	29
2.4 Perkembangan Gerakan Pelajar di Asia Tenggara, 1960-1970-an	37
2.5 Gerakan Pelajar di Malaysia, 1960-1970	42
2.6 Perkembangan di Malaysia, 1970-1980	48
2.7 Perjuangan Popular Gerakan Pelajar Melayu, 1970-1980-an	
2.7.1 Anti-Tunku dan Pro Pemimpin UMNO	53
2.7.2 Perjuangan Mempertahankan Hak Orang Miskin	55
2.7.3 Perjuangan Popular Gerakan Pelajar Islamis	58
2.8 Kesimpulan	65



## BAB 3 PERJUANGAN MENUNTUT KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

3.1 Pengenalan	67
3.2 Perjuangan PMUKM-Isu Rasuah	68
3.2.1 Kes Pembalakan di Bangi	72
3.2.2 Strategi Perjuangan PMUKM	91
3.3 Perjuangan KSITM-Isu Maruah Bumiputera	103
3.3.1 Fesyen Rambut Panjang Pelajar Lelaki ITM	103
3.3.2 Konflik Mahathir Mohamad dan Gerakan Pelajar Bumiputera	114
3.3.2.1 Label Gestapo dan Kumpulan Dakwah	115





3.3.2.2 Golongan Profesional yang Diidamkan KSITM Sebagai Pentadbir	125
3.3.2.3 Pengurangan Pelajar Bumiputera ITM	129
3.3.3 Kesan Konflik KSITM dengan Mahathir	136
3.4 Perjuangan PMI dan Pelajar Islamis-Isu Hiburan	138
3.4.1 Penentangan Hiburan di ITK/UTM, USM, UKM, UM	146
3.4.2 Pelajar Islamis Menentang Judi di Pesta Ria UM	159
3.5 Demonstrasi Baling; Hakikat Perjuangan Membela Masyarakat	175
3.6 Kesimpulan	182
<b>BAB 4 PEMIKIRAN PEMIMPIN GERAKAN PELAJAR MELAYU</b>	
4.1 Pengenalan	188
4.2 Abdul Halim Arshat, PMUKM	189
4.3 Ibrahim Ali, KSITM	217
4.4 Hishamuddin Rais, PMUM dan Kelab Sosialis	248
4.5 Kesimpulan	274
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.1 Penutup	276
<b>RUJUKAN</b>	290
<b>LAMPIRAN</b>	309





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

## SENARAI FOTO

No. Foto	Muka Surat
4.1	Jadual bilangan pelajar Melayu dan bukan Melayu di Maktab Teknik tahun 1957 hingga 1970 yang dilampirkan Idris Jusi dalam suratnya kepada Tun Abdul Razak pada 15 Disember 1972. 215



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ATMA	Angkatan Tindakan Mahasiswa
AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
BSN	Biro Siasatan Negara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FPI	Fakulti Pengajian Islam
FRU	<i>Federal Reserve Unit</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISA	<i>Internal Security Act</i>
ITK	Institut Teknologi Kebangsaan
ITM	Institut Teknologi MARA
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JTBM	Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia
KPITM	Kesatuan Pelajar Institut Teknologi MARA
KSITM	Kesatuan Siswa Institut Teknologi MARA
KTAR	Kolej Tunku Abdul Rahman
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PKAUKM	Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia
PKM	Parti Komunis Malaya





PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKPM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia
PMFPI	Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam
PMI	Persatuan Mahasiswa Islam
PMIUM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
PMIUPM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Putra Malaysia
PMIUSM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia
PMIUTM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia
PMUKM	Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia
PMUM	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
PPIK	Persatuan Pelajar Islam Kelantan
PPIITK	Persatuan Pelajar Islam Institut Teknologi Kebangsaan
PPITK	Persatuan Pelajar Institut Teknologi Kebangsaan
PRU	Pilihanraya Umum
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaya
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
TNC HEP	Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	<i>United Malay National Organization</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia





## SENARAI LAMPIRAN

### Muka Surat

I	Gambaran pilihanraya kampus UKM tahun 1980. Persatuan gerakan pelajar Melayu sekitar 1980-an dipengaruhi elemen kepartian.	309
II	Tapak kampus UKM di Bangi sinonim dengan perjuangan gerakan pelajar PMUKM memartabatkan Bumiputera dalam ekonomi (menerusi penglibatan dalam sektor pembalakan).	310
III	Gambaran pelajar lelaki ITM berambut panjang awal 1970-an dengan penekanan kepada prinsip kebebasan.	311
IV	Datuk Lokman Musa (Pengarah ITM 1975-1978) sinonim dengan perwatakan tegas sedang memeriksa satu perbarisan ketua-ketua platon di ITM.	312
V	Pesta Ria, acara tahunan di UM menarik ramai pengunjung sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.	313
VI	Chua Tiam Wee (Pengarah Pesta Ria 1977) menghapuskan pertandingan Ratu Pesta, salah satu budaya dalam Pesta Ria UM.	314
VII	Perkembangan dakwah di UM dipelopori oleh gerakan pelajar PMIUM tahun 1980-an.	315
VIII	Kulit muka hadapan <i>Suara PPITK</i> . Antara kandungannya ialah kritikan terhadap pengaruh	316





kebudayaan Barat dalam kalangan pelajar IPT.

IX	Cerapan konsep retrogressi sarjana Barat oleh salah seorang pelajar Islamis di UM, iaitu Mohd Nor Anuar, menggambarkan “pergelutannya” sebagai usaha memberi pencerahan kepada masyarakat berhubung kepentingan dakwah.	317
X	Artis-artis tempatan menghadiri konsert Sudirman di UKM pada Mac 1985 sebagai tanda sokongan kepadanya. Ia lanjutan pembatalan konsert Sudirman Januari 1985 di universiti sama disebabkan demonstrasi gerakan pelajar Islamis di UKM.	318
XI	Penyertaan sebahagian gerakan pelajar Melayu dalam demonstrasi bersama masyarakat petani di Baling November 1974.	319
XII	Penglibatan gerakan pelajar Melayu secara kolektif (gabungan pelbagai IPT dari UM, ITM dan UKM) dalam demonstrasi susulan di Kuala Lumpur, Disember 1974 sebagai sokongan terhadap petani Baling yang menjalankan demonstrasi kelaparan November 1974.	320
XIII	Abdul Halim Arshat (Presiden PMUKM, 1973-1974) memberi ucapan sempena menyambut kedatangan pelajar baharu di UKM. Antara intipati ucapannya menyeru pelajar UKM mengetahui tujuan sebenar pendidikan dan perjuangan demi kesejahteraan masyarakat.	321
XIV	Muka hadapan buku Minggu Suai Kenal PMUKM 1972/1973. Kandungannya turut memuatkan seruan kepimpinan PMUKM kepada pelajar baharu UKM mempertahankan kepentingan nasional dan masyarakat Melayu.	322
XV	Ibrahim Ali (Presiden KSITM, 1973/1974) mementingkan Dasar Kebumiputeraan dan Keislaman	323





dalam perjuangan gerakan pelajar Melayu.

XVI	Arsyad Ayub, Pengarah ITM 1967-1975 merupakan tokoh profesional Bumiputera yang disanjungi Ibrahim Ali untuk melancarkan perjuangan menuntut penarafan ITM kepada universiti.	324
XVII	Elemen kebudayaan Melayu turut digalakkan oleh Ibrahim Ali dalam perlaksanaan dasar KSITM di samping penerapan nilai keislaman.	325
XVIII	Hishamuddin Rais (Setiausaha Agung PMUM 1973/1974 merangkap ahli Kelab Sosialis) dan Ibrahim Ali (Presiden KSITM 1973/1974) dalam perjuangan menuntut pembelaan nasib petani Baling 1974.	326
XIX	Hishamuddin Rais dalam perjuangan mempertahankan hak kesejahteraan masyarakat miskin dan menentang penguasaan imperialis Barat awal tahun 1970-an.	327
XX	Soalan-soalan temu bual bersama Hishamuddin Rais	328





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Gerakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan gerakan penting dalam perkembangan sejarah Malaysia. Ia berkait rapat dengan pandangan masyarakat bahawa pelajar IPT mempunyai imej yang tinggi sebagai golongan intelektual. Selain itu, gerakan pelajar atau sinonim sebagai gerakan mahasiswa di Malaysia menjadi perhatian pengkaji sejarah mahasiswa terutama dalam tempoh 1970 sehingga 1980-an akibat perkembangan gerakan kebangkitan pelajar yang berlaku di Asia Tenggara. Di Indonesia contohnya, gerakan pelajar membantu regim tentera menggulingkan kepimpinan Soekarno akibat terancam dengan pengaruh komunis sekitar 1960-an.<sup>1</sup> Sementara itu, dominasi golongan

---

<sup>1</sup> Wang Gung Wu. 2013. Review Article, Student Movements: Malaya as outlier in Southeast Asia. *Jurnal of Southeast Asian Studies*. 44(3): 513.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



tentera dalam pentadbiran Thailand pada 1970-an menyebabkan berlakunya kebangkitan pelajar bagi menuntut kebajikan rakyat dan ketelusan pentadbiran kerajaan.<sup>2</sup> Perkembangan gerakan pelajar di Asia Tenggara menunjukkan bahawa pengaruh politik merupakan antara elemen penting dalam kegiatan gerakan pelajar di rantau ini. Secara umumnya, penglibatan pelajar Malaysia dalam sesbuah gerakan yang dijalankan memperjuangkan kebebasan demokrasi yang dipercayai mereka untuk menikmati suasana politik, ekonomi serta sosial yang seimbang dalam negara. Sungguhpun begitu, penulisan berhubung sejarah gerakan pelajar IPT seringkali memaparkan naratif isu politik pelajar sama ada di persekitaran kampus, mahupun luar kampus. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membawa satu dimensi baharu yang hampir kepada masyarakat dengan menfokuskan berkenaan tuntutan ke arah kesejahteraan masyarakat 1970 hingga 1980-an dalam perjuangan gerakan pelajar Melayu IPT. Kajian ini turut menganalisis pemikiran tokoh pemimpin gerakan pelajar khususnya berhubung pendirian mereka mengenai nasib bangsa (Melayu atau Malaysia) serta agama Islam.

## 1.2 Latar Belakang

Kajian berhubung gerakan pelajar di Malaysia telah dikaji oleh beberapa sarjana sebelum ini. Ia meliputi kajian sejarah berbentuk politik<sup>3</sup> dan sosial<sup>4</sup> memaparkan peristiwa

<sup>2</sup> Wang Gung Wu. 2013. Review Article, Student Movements: Malaya as outlier in Southeast Asia. *Jurnal of Southeast Asian Studies*. 44(3): 513; Lihat juga Rabaah Abdullah. 2014. "Penglibatan Mahasiswa dalam Reformasi Politik Thailand, 1970-1990-an". Disertasi Peringkat Ph.D. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, UM. hlm 6-9, 243-253.

<sup>3</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru.

<sup>4</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.





berkenaan gerakan pelajar di Malaysia pada abad ke-20. Gerakan pelajar di Malaysia merujuk kepada kelompok kecil yang terpilih memasuki universiti yang menjalankan gerakan sosial dan politik.<sup>5</sup> Sebagai sebuah gerakan sosial, perjuangan gerakan pelajar menjurus kepada isu kebajikan masyarakat seperti hal berhubung peningkatan taraf hidup atau perjuangan membela rakyat miskin.<sup>6</sup> Manakala gerakan pelajar yang menjalankan perjuangan politik memberi tumpuan terhadap strategi mereka menonjolkan kewibawaan sebagai pemimpin kampus dan impian sebagai pemimpin negara.<sup>7</sup>

Justeru gerakan pelajar yang disentuh M.L. Weiss,<sup>8</sup> Suhaimi Al-Maniri,<sup>9</sup> Riduan Mohamad Nor,<sup>10</sup> dan Hassan Karim<sup>11</sup> seringkali memaparkan peranan aktif yang dijalankan oleh persatuan mahasiswa dalam kelompok yang besar seperti Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Mahasiswa Islam (PMI). Ia ekoran daripada peranan semua persatuan tersebut yang mewakili golongan pelajar universiti untuk menyuarakan pandangan terhadap golongan pentadbir ataupun kerajaan berkenaan kebajikan pelajar dan masyarakat umum.

<sup>5</sup> Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 16; Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm 1.

<sup>6</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm 3.

<sup>7</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 145-150.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru.

<sup>10</sup> Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.

<sup>11</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.





Weiss dalam perbincangan berhubung perjuangan gerakan pelajar di Malaysia memaparkan bahawa gerakan pelajar mengalami zaman kebangkitan atau kemuncak perjuangan dalam huraian bab “*The Heydays of Protest: 1967-1974*”.<sup>12</sup> Pada tahun 1974 misalnya dianggap sebagai zaman kebangkitan pelajar ekoran perjuangan gerakan pelajar mempertahankan petempatan golongan setinggan di Tasek Utara sehingga menyebabkan konflik antara pelajar, pemerintah dan pentadbir universiti, dan sekaligus mengakibatkan pengajaran di Universiti Malaya (UM) khususnya tergendala. Weiss menyatakan perkembangan gerakan pelajar telah bermula sejak zaman pra-merdeka iaitu ketika kampus UM terletak di Singapura. Tempoh tersebut penting kerana ia melahirkan golongan aktivis pelajar pro-British dan golongan kiri sebagai kesinambungan penglibatan pelajar dalam politik kampus atau luar kampus khususnya dalam tahun 1970-an.



Perbincangan berhubung perjuangan politik gerakan pelajar dibincangkan dalam penulisan Suhaimi Al-Maniri. Bab “Perubahan Politik Kampus di Universiti Malaya” memberi gambaran berkenaan kegiatan politik pelajar yang dianggap penting apabila UM menjadi tunjang utama dalam perjuangan gerakan pelajar sekitar 1970-an.<sup>13</sup> Ini kerana, sebagai universiti pertama ditubuhkan di Malaysia, UM melahirkan tokoh-tokoh popular dalam gerakan pelajar pada penghujung 1960-an dan awal 1970-an seperti Anwar Ibrahim,<sup>14</sup> Sanusi Osman,<sup>15</sup> Sidik Fadzil<sup>16</sup> dan Hishamuddin Rais.<sup>17</sup> Malah kedudukan

<sup>12</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 127-186.

<sup>13</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 67-90.

<sup>14</sup> *Ibid.* hlm 72; Lihat juga Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm 1-19.





UM di Kuala Lumpur memudahkan kegiatan gerakan pelajar UM untuk menentang dasar pemerintah dengan mengadakan protes di bangunan kerajaan atau penglibatan dalam kempen pilihanraya umum.

Sungguhpun kebanyakan daripada kajian sejarah gerakan pelajar di Malaysia mengaitkan kemiskinan dan kemunduran masyarakat Melayu yang membawa kepada tercetusnya kebangkitan gerakan mereka, ia lebih cenderung menghuraikan konflik politik serta langkah kerajaan mengatasinya melalui dasar sosioekonomi. Antara aspek yang sering menjadi penekanan dalam penulisan sejarah gerakan pelajar IPT di Malaysia adalah seperti faktor kebangkitan gerakan pelajar IPT itu sendiri iaitu rusuhan 13 Mei 1969, serta pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi peluang kemasukan kepada pelajar Melayu dari desa ke IPT contohnya UM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Teknologi Mara (ITM).<sup>18</sup>

Lanjutan daripada penekanan tersebut, Hassan Karim contohnya menyatakan bahawa gerakan pelajar mengalami perubahan dalam tempoh 1967 sehingga 1974.<sup>19</sup> Tempoh tersebut menunjukkan gerakan pelajar bersifat lebih agresif dalam

<sup>15</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 6; Lihat juga Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 55.

<sup>16</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 73.

<sup>17</sup> Ibid; Lihat juga Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 70.

<sup>18</sup> Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 86; Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 34-40; Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 68-70.

<sup>19</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm 1-19.



memperjuangkan nasib rakyat miskin. Ia merujuk kepada pelancaran siri demonstrasi yang diadakan di kawasan penduduk yang dianggap oleh gerakan pelajar sebagai kawasan yang menjadi petunjuk kepada kemiskinan rakyat. Demonstrasi di Telok Gong 1971, Tasek Utara dan Baling 1974 misalnya merupakan manifestasi tindakan pelajar agar pemerintah memberi perhatian serius kepada masyarakat miskin khususnya orang Melayu.

Demonstrasi yang dilakukan oleh gerakan pelajar bagi membela masyarakat miskin di Baling 1974 menyebabkan perlaksanaan peraturan lebih ketat iaitu Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 1975).<sup>20</sup> Akta tersebut dikritik oleh gerakan pelajar dan golongan akademik kerana ia menjelaskan keintelikualan pelajar dalam berpolitik. Seksyen 15 (Pindaan 1975) misalnya melarang pelajar daripada bekerjasama dengan persatuan luar kampus dan hanya boleh menjalankan kegiatan politik mereka sekiranya mendapat kelulusan naib canselor universiti.<sup>21</sup> Malah, Kaedah Tatatertib 1975 seperti kaedah 7 (1) contohnya melarang pelajar berhimpun lebih daripada lima orang dan ia menyebabkan hubungan pelajar dengan dunia luar terputus.<sup>22</sup> Oleh yang demikian, perlaksanaan AUKU 1971 (Pindaan 1975) menghadkan kebebasan pelajar berjuang demi membawa perubahan kepada masyarakat. Ini kerana sebelum perlaksanaannya gerakan pelajar di bawah pentadbiran IPT bebas melancarkan perjuangan tanpa campur tangan langsung kerajaan.<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Rohani Abdul Rahim, Anisah Che Ngah, Kamal Halili Hassan *et al.* 1992. *Hak dan Tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 152.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.* hlm 152&153.

<sup>23</sup> Akta Universiti Malaya 1961 contohnya tidak mengawal kebebasan pelajar dalam perjuangan mereka. Sebaliknya, perlaksanaan AUKU dibuat untuk kawalan secara langsung oleh kerajaan terhadap pentadbiran IPT awam. Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore:



Ringkasnya, perjuangan gerakan pelajar IPT di Malaysia khususnya pada tahun 1970 hingga 1975 adalah demi masyarakat. Keadaan ini memperlihatkan bahawa, perjuangan gerakan pelajar Melayu menjurus kepada penyelesaian terhadap dilema ketidakseimbangan ekonomi dan sosial yang berlaku dalam masyarakat ketika itu. Justeru, terdapat satu aspek yang turut perlu diberi perhatian kajian berhubung perjuangan gerakan pelajar Melayu. Aspek perjuangan gerakan pelajar Melayu seperti Kesatuan Siswa Institut Teknologi MARA (KSITM), Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) dan PMI ke arah kesejahteraan masyarakat penting ditonjolkan demi memahami aspirasi pelajar Melayu terhadap keadilan pemerintahan, kepentingan pendidikan atau corak hiburan (yang dituntut PMI) pada zaman pengasasan DEB dan kebangkitan Islam di Malaysia 1970-1980. Seterusnya, kajian ini juga akan menganalisis pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu demi menonjolkan idea atau prinsip mereka berhubung kedudukan bangsa atau agama di Malaysia. Oleh itu kajian ini lebih menjelaskan perjuangan gerakan pelajar Melayu yang menjalankan gerakan sosial berbanding gerakan politik.<sup>24</sup>

---

National University of Singapore. hlm 131; Rohani Abdul Rahim, Anisah Che Ngah, Kamal Halili Hassan *et al.* 1992. *Hak dan Tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 15.

<sup>24</sup> Kajian ini tidak memberi tumpuan dominan kepada politik kampus atau kesan perjuangan mereka kepada politik kampus sebagaimana dilakukan oleh kajian terdahulu.





### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian berhubung perjuangan gerakan pelajar lazimnya membincangkan tentang unsur-unsur politik seperti politik kampus dan penglibatan pelajar dalam pilihan raya umum.<sup>25</sup>

Perbincangan tersebut sering tertumpu kepada perkembangan gerakan pelajar UM tahun 1960 hingga awal 1970-an. Ia selaras dengan penglibatan awal pelajar Melayu dalam kegiatan atau perjuangan gerakan mereka selepas mencapai kemerdekaan dari British. Tahun 1970 hingga 1980-an pula merupakan tempoh penting untuk memahami perkembangan gerakan pelajar Melayu. Hal ini kerana pengenalan dasar kerajaan seperti DEB memperkuatkan latar belakang atau perkembangan gerakan pelajar Melayu dalam perjuangan membela masyarakat miskin. Justeru, kajian ini turut menganalisis kesan perkembangan DEB kepada gerakan pelajar Melayu dalam tempoh kajian.<sup>26</sup> Pelajar



<sup>25</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial; Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore; Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru.

<sup>26</sup> Gerakan merujuk kepada aktiviti, kegiatan dan operasi yang dijalankan berhubung sesuatu isu atau perkara. Gerakan pelajar pula merujuk kepada kegiatan atau aktiviti pelajar IPT dalam menggerakkan sesuatu isu atau perkara demi memenuhi tuntutan mereka. Kegiatan tersebut dilancarkan secara berkumpulan iaitu menerusi persatuan pelajar atau pelajar secara individu. Namun, keseluruhan kajian ini merujuk gerakan pelajar secara dominan kepada peranan yang dilancarkan oleh perkumpulan atau persatuan pelajar berbanding pergerakan secara individu. Justeru, istilah gerakan pelajar (umum) di dalam kajian ini merujuk kepada pergerakan sebuah persatuan pelajar induk dalam melancarkan perjuangan mereka masing-masing (penggunaannya umum apabila merujuk kepada tempoh 1950 hingga 1960-an iaitu ketika penglibatan pemimpin pelajar bukan Melayu masih dominan dalam persatuan pelajar). Contohnya penggunaan istilah gerakan pelajar PMUM merujuk kepada kegiatan persatuan pelajar tersebut dalam melancarkan sesuatu perjuangan. Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial; Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 2; Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 3. Istilah gerakan pelajar Melayu (khusus) dalam kajian ini pula merujuk kepada persatuan pelajar yang diterajui oleh kepimpinan pelajar Melayu contohnya seperti PMUKM dan KSITM. Secara tidak langsung, ia memaparkan kedua-dua persatuan tersebut memiliki ahli majoriti dalam kalangan pelajar Melayu. Meskipun terdapat persatuan yang memiliki keahlian campuran pelajar (Melayu, India dan Cina) seperti PMUM dalam kajian ini, ia turut digelar sebagai gerakan pelajar Melayu. Ia ekoran persatuan tersebut memiliki ciri paling asas iaitu kepimpinan persatuan diterajui dan dipengaruhi oleh pelajar Melayu khususnya pada awal tahun 1970-an. Penggunaan istilah “pelajar Melayu”





Melayu dalam gerakan mereka menuntut supaya kesejahteraan masyarakat diambil perhatian serius oleh pemerintah dan pentadbir.

Ringkasnya, kajian ini adalah berkenaan intipati tuntutan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi perjuangan PMUKM, KSITM dan gerakan pelajar Islamis atau PMI. Perjuangan mereka berasaskan isu seperti menentang amalan rasuah dan salah urus tadbir pemerintah, pembelaan maruah Bumiputera, dan isu hedonisme penting diperdalam bagi mengenalpasti ukuran kesejahteraan masyarakat pada perspektif gerakan pelajar Melayu. Di samping itu, penilaian semula terhadap perjuangan gerakan pelajar Melayu secara kolektif membela masyarakat Baling juga diperdalam kajian ini. Ia demi memaparkan penekanan kesejahteraan masyarakat yang difahami oleh gerakan pelajar Melayu juga didorong oleh perkembangan tahun 1974. Contohnya, pemerintah kurang sensitif berhubung realiti kesempitan hidup masyarakat ketika itu. Tuntutan gerakan pelajar Melayu supaya kesejahteraan masyarakat diutamakan

---

pula di dalam kajian ini merujuk kepada pelajar Melayu yang terlibat dalam gerakan atau tidak-bergantung kepada penggunaan sesuatu ayat. Contohnya ayat "...jawatan Presiden PMUM disandang oleh pelajar Melayu..." atau "...pelajar Melayu menerusi gerakan atau perjuangan mereka..." kedua-dua contoh ayat ini menunjukkan terdapat penglibatan pelajar Melayu dalam gerakan mereka menerusi persatuan masing-masing. Manakala bagi ayat seperti "...tidak memahami kesensitifan maruah pelajar Melayu." ia merujuk secara umum kepada pelajar Melayu sama ada terlibat atau tidak terlibat dalam gerakan perjuangan ekoran ayat tersebut juga umum kepada semua pelajar Melayu. Jelasnya, penggunaan istilah "pelajar Melayu" dalam kajian ini adalah bergantung kepada kesesuaian ayat sama ada merujuk khas pelajar Melayu yang terlibat dalam gerakan atau umum kepada pelajar Melayu secara keseluruhannya. "Gerakan pelajar Melayu" dalam kajian ini juga merujuk secara umum kepada pelajar Melayu yang mempertahankan nilai keislaman (lihat nota kaki 52 bab ini). Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 85-86; Philip G. Altbach. 1984. Student Politics in the Third World. *Southeast Asian Journal of Social Science*. 12(2): 12. Di samping itu, gerakan pelajar Bumiputera dalam kajian ini khususnya di bahagian bab tiga juga turut sama merujuk kepada istilah gerakan pelajar Melayu. Hal ini kerana penekanan kepada matlamat Bumiputera serta penggunaan istilah Bumiputera itu sendiri adalah dominan dalam sumber-sumber primer berkaitan perjuangan KSITM. Istilah Melayu dalam sebahagian sumber-sumber primer bab tersebut juga menunjukkan penggunaan istilah Bumiputera bukan satu perkataan yang terpisah dengan istilah Melayu sepanjang tempoh kajian. Ringkasnya, gerakan pelajar Melayu dalam kajian ini merujuk kepada penglibatan pelajar Melayu melancarkan perjuangan menerusi peranan persatuan pelajar di IPT. Manakala pemimpin gerakan pelajar Melayu pula merujuk kepada peranan yang jelas dimainkan oleh pemimpin pelajar dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi kecenderungan mereka dalam persatuan IPT masing-masing.





pemerintah atau pentadbir dalam kajian ini menjelaskan terdapat intipati atau matlamat utama yang diberi perhatian oleh gerakan pelajar Melayu. Intipati utama tersebut merujuk kepada gerakan pelajar Melayu sepanjang tempoh kajian mementingkan perjuangan berasaskan dua aspek iaitu bangsa dan agama. Justeru, intipati perjuangan gerakan pelajar Melayu (sama ada bangsa dan agama) pada tahun 1970-an adalah berbeza dengan 1980-an berdasarkan cerapan terhadap isu-isu tuntutan mereka ke arah kesejahteraan masyarakat yang diberi perhatian dalam kajian ini.

Persoalan kepada wujud intipati perjuangan gerakan pelajar Melayu berasaskan dua perkembangan berbeza iaitu tahun 1970-an dengan 1980-an dapat dikenalpasti menerusi kajian mendalam terhadap pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu popular awal tahun 1970-an. Perbincangan kajian terdahulu berhubung pemimpin gerakan pelajar Melayu adalah terhad. Pemimpin gerakan pelajar Melayu dilabel sebagai dinamik (seperti Hishamuddin Rais),<sup>27</sup> mementingkan nilai keislaman (Ibrahim Ali),<sup>28</sup> atau memiliki konflik dengan pentadbir (Abdul Halim Arshat).<sup>29</sup> Namun perincian berkenaan pendirian atau pemikiran pemimpin gerakan Melayu tersebut berhubung kedudukan agama dan bangsa kurang menjadi keutamaan atau tujuan kepada kajian terdahulu. Justeru, pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu berhubung kedua-dua aspek tersebut diperdalam dalam kajian ini. Secara tidak langsung, kajian ini memaparkan bahawa asas perjuangan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat dari tahun 1970-1980-an adalah dicorakkan oleh perkembangan pemikiran pemimpin pelajar popular

<sup>27</sup> Hassan Karim. 1984. Perjuangan Pelajar di Malaysia 1967-1974. dlm *Bersama Rakyat: Gerakan Mahasiswa 1967-1974*. Hassan Karim & Siti Nor Hamid (eds). Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm 10.

<sup>28</sup> Lihat Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 177.

<sup>29</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 92.





tersebut berhubung aspek agama dan bangsa di Malaysia. Ini kerana, aspek agama dan bangsa merupakan polemik perbincangan yang sering disentuh oleh kebanyakan Muslim di negara demokrasi khususnya Malaysia sebagai langkah untuk mencapai keamanan sosial.<sup>30</sup> Oleh yang demikian, kajian ini dapat menilai kecenderungan dominan pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu sama ada mengutamakan perjuangan berteraskan bangsa atau agama. Justeru, penilaian ini merungkai faktor kewujudan perbezaan intipati perjuangan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat berasaskan dua perkembangan (mementingkan agama dan bangsa) sepanjang tempoh kajian. Ini kerana, perbezaan tersebut wujud selaras dengan kecenderungan pemimpin gerakan pelajar Melayu yang memberi keutamaan terhadap salah satu aspek perjuangan; sama ada bangsa atau agama.



#### 1.4 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti perjuangan gerakan pelajar Melayu pada tahun 1970 hingga 1980-an. Oleh itu, objektif khusus kajian ini diperincikan seperti berikut;

1. Membincangkan latar belakang sejarah perkembangan gerakan pelajar IPT di Malaysia tahun 1970 sehingga 1980-an.

---

<sup>30</sup> Virgina Matheson Hooker. 2004. Reconfiguring Malay and Islam in Contemporary Malaysia. dlm *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Timothy P. Barnard (ed). National University of Singapore: Singapore University Press. hlm 149-167; Lihat juga Ermin Sinanović. 2012. Islamic Revival as Development: Discourses on Islam, Modernity, and Democracy since the 1950s. *Routledge*. 13(1): 3-24.





2. Menilai intipati perjuangan gerakan pelajar Melayu melalui persatuan mereka dalam menuntut kesejahteraan masyarakat dari tahun 1970-an sehingga 1980-an. Ia dikenalpasti menerusi isu-isu yang diperjuangkan oleh gerakan pelajar Melayu.

3. Menganalisis pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu pada awal 1970-an berhubung bangsa dan agama sebagai asas pembentukan kesejahteraan masyarakat sepanjang tempoh 1970 hingga 1980-an.

## 1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dan bahan berkaitan untuk menyempurnakan kajian ini diperoleh melalui tiga cara iaitu sumber primer, sekunder, dan kaedah temu bual. Rujukan terhadap gerakan pelajar akan menggunakan sumber primer seperti surat persendirian, minit mesyuarat serta laporan rasmi berhubung aktiviti gerakan pelajar yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Unit Arkib Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selain itu, minit mesyuarat (*handsard*) dalam parlimen juga dirujuk untuk mengenal pasti isu yang menjadi perbahasan ahli parlimen terhadap perkembangan sosial gerakan pelajar.

Sumber sekunder berkenaan tajuk kajian ini pula akan merujuk penulisan-penulisan berkaitan perjuangan gerakan pelajar meliputi buku serta artikel yang berkait rapat dengan perbincangan kajian ini. Bagi memenuhi keperluan itu, perpustakaan universiti tempatan seperti Perpustakaan Tuanku Bainun (Universiti Pendidikan Sultan





Idris, UPSI), Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (Universiti Insititut Teknologi MARA, UITM) merupakan antara tempat rujukan bagi menyempurnakan kajian ini. Selain itu, bahan berkaitan sumber sekunder juga dirujuk di Perpustakaan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.

Maklumat kajian ini juga diperoleh menerusi temu bual yang dijalankan terhadap pemimpin pelajar Melayu seperti Hishamuddin Rais dan pemerhati perkembangan gerakan pelajar seperti Muhammad Abu Bakar. Sumber tertier iaitu maklumat daripada sumber internet juga dirujuk seperti blog-blog berkaitan latar belakang atau perjuangan gerakan pelajar.

Ringkasnya, pendekatan sejarah idea diketengahkan di dalam kajian ini. Idea-idea perjuangan gerakan pelajar Melayu dan pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu dicerap berdasarkan sumber primer seperti surat rasmi persatuan mereka. Malah, penggunaan sumber lisan dan akhbar tahun kajian bertujuan memberi kefahaman mendalam berhubung luahan, saranan dan harapan gerakan pelajar Melayu dalam memastikan kesejahteraan masyarakat terjamin dalam perjuangan mereka masing-masing.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memaparkan kesedaran kepada masyarakat bahawa gerakan pelajar Melayu adalah sebahagian daripada golongan intelektual di IPT dalam memperjuangkan kesejahteraan masyarakat. Sehubungan itu, ia memaparkan bahawa





selain tindakan agresif pelajar dalam politik kampus, mereka turut terlibat menyumbang pemikiran tersendiri dalam hal berhubung kesejahteraan masyarakat. Kesejahteraan masyarakat yang ingin dinikmati mereka merujuk kepada keadilan sosial berlaku dalam masyarakat berdasarkan perjuangan pembasmian rasuah, mementingkan pendidikan masyarakat Melayu atau Bumiputera serta penolakan budaya hedonisme daripada Barat.

Perbincangan mengenai kesejahteraan masyarakat dalam gerakan pelajar Melayu sepanjang 1970 hingga 1980-an mendedahkan pengetahuan kepada masyarakat bahawa ia turut dibantu oleh asas pemikiran yang ditanamkan oleh pemimpin gerakan pelajar Melayu popular dari UM, UKM dan ITM sejak awal 1970-an. Keadaan ini dapat memenuhi tuntutan bagi memahami saranan serta harapan yang diwakili oleh pemimpin gerakan pelajar Melayu berhubung kepentingan agama dan bangsa dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Justeru, kajian ini dapat memberi gambaran bahawa kelangsungan politik pemerintah turut didorong oleh faktor persamaan idea yang dimiliki oleh pemimpin gerakan pelajar Melayu. Ia dibuktikan menerusi sokongan atau kritikan pemimpin gerakan pelajar Melayu terhadap dasar-dasar kerajaan sepanjang tempoh kajian.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini menyentuh tentang perjuangan gerakan pelajar Melayu di IPT yang terdapat di Malaysia. Ia meliputi UM, UKM, ITM, Institut Teknologi Kebangsaan (ITK-kini dikenali Universiti Teknologi Malaysia, UTM), dan Universiti Sains Malaysia (USM). Walaupun





Sabah dan Sarawak merupakan antara negeri di Malaysia, perbincangan kajian ini tidak menyentuh perjuangan gerakan pelajar Melayu di kedua-dua buah negeri tersebut. Hal ini kerana, kemunculan IPT milik kerajaan seperti Universiti Malaya Sabah (1994) dan Universiti Malaysia Sarawak (1992) hanya ditubuhkan pada tahun 1990-an. Fokus kajian adalah intipati tuntutan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat dan pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu. Tahun 1970 dipilih sebagai permulaan kajian kerana ia adalah fasa pembentukan persatuan gerakan pelajar Melayu IPT iaitu PMUKM, KSITM, Persatuan Pelajar ITK (PPITK), Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM) dan Persatuan Mahasiswa USM (PMUSM) seiring pembentukan awal DEB yang memberi keutamaan terhadap pelajar Melayu memperoleh pendidikan di IPT serta melancarkan perjuangan ke arah kesejahteraan masyarakat. Tahun 1980-an pula dipilih sebagai tempoh akhir kajian kerana ia dikaitkan sebagai zaman kebangkitan Islam menerusi revolusi rakyat di Iran tahun 1979. Perkembangan tersebut menyebabkan pelajar Melayu seringkali menggunakan elemen ‘Islam’ dalam perjuangan mereka khususnya dari aspek perjuangan berkenaan hiburan.

Justeru, perbincangan kajian ini menjurus kepada aspek perjuangan gerakan pelajar Melayu menerusi persatuan PMUKM menuntut keadilan sosial atau bebas rasuah awal 1970-an, perjuangan KSITM dalam mempertahankan maruah Bumiputera tahun 1975-1976, serta PMI yang menentang amalan hedonisme seperti judi dan penganjuran konsert di IPT hingga tahun 1980-an.<sup>31</sup> Seterusnya pemikiran tokoh pemimpin gerakan

<sup>31</sup> Secara keseluruhannya, terdapat tujuh buah persatuan gerakan pelajar Melayu yang diberi perhatian di dalam kajian ini. Empat daripadanya memainkan peranan dominan sama ada di dalam bab tiga atau bab empat iaitu gerakan pelajar PMUKM, KSITM, PMUM dan Kelab Sosialis. Manakala, gerakan pelajar dari UTM (persatuan-persatuan asal serta penjenamaan baharu meliputi PPITK, PIITK dan PMIUTM), PMUSM





pelajar Melayu yang popular di IPT Malaysia seperti Hishamuddin Rais, Ibrahim Ali, Abdul Halim Arshat akan dikaji bagi memaparkan kaitan antara aspirasi masyarakat sejahtera yang dituntut gerakan pelajar Melayu dengan pendirian kepimpinan gerakan pelajar Melayu berhubung peranan agama dan bangsa di Malaysia.

## 1.8 Sorotan Kajian Lepas

Kajian berkenaan gerakan sosial pelajar universiti di Malaysia dikategorikan sebagai sejarah masyarakat bawahan atau sejarah kumpulan kecil.<sup>32</sup> Sejarah kumpulan ini perlu diberi perhatian kerana selari dengan pandangan sejarawan seperti Badriyah Haji Salleh yang menyatakan bahawa sejarah masyarakat bawahan adalah penting ekoran menggambarkan sosial masyarakat yang bukan terdiri dalam kalangan bangsawan atau pemerintah.<sup>33</sup> Justeru, sumbangan golongan ini wajar ditonjolkan untuk memberi pemahaman mendalam tentang sejarah sosial masyarakat pada tempoh berkenaan. Gerakan pelajar Melayu 1970-an didominasi oleh pelajar dari desa yang mahukan proses mobiliti sosial berlaku secara meluas dalam masyarakat. Sebagai kumpulan kecil dalam kalangan masyarakat khususnya Melayu Muslim di Malaysia, gerakan pelajar Melayu

---

dan PMIUM turut diketengahkan menerusi peranan yang dimainkan mereka sebagai gerakan pelajar Islamis di dalam bab tiga.

<sup>32</sup> Masyarakat bawahan merujuk kepada gerakan pelajar Melayu memiliki persamaan seperti tinggal di kawasan desa serta memiliki latar belakang kemiskinan. Manakala, kumpulan kecil merujuk kepada penglibatan gerakan pelajar Melayu secara keseluruhannya hanya melibatkan sebahagian ahli sahaja dan bukan secara majoriti.

<sup>33</sup> Badriyah Haji Salleh. 1997. *Sejarah Dari Bawah: Sejarah Rakyat Dalam Masyarakat Melayu Tradisional*. dlm *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee (eds). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 154-160.





memainkan peranan penting sebagai pelaku dalam sejarah sosial negara.<sup>34</sup> Ini kerana, kemunculan mereka telah mewujudkan kesedaran kumpulan besar atau utama iaitu pemerintah untuk mengaplikasi konsep perubahan dan kesinambungan sesuatu dasar pemerintah.<sup>35</sup> Sebagai contoh, krisis etnik pada Mei 1969 menyebabkan DEB dilaksanakan dengan memberi perhatian terhadap pendidikan golongan Bumiputera.<sup>36</sup> Hasilnya, di peringkat universiti tempatan, berlaku peningkatan jumlah pelajar Melayu majoriti dari desa mengambil keputusan melibatkan diri dalam hal berkenaan nasib dan pendirian mereka seperti politik kampus dan dakwah.

Sejarah gerakan pelajar berkaitan politik di Malaysia terdapat dalam kajian Mohd Suhaimi Al-Maniri yang menfokuskan isu-isu berhubung aktiviti politik kampus pelajar IPT sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an.<sup>37</sup> Suhaimi memberi perhatian terhadap pergerakan persatuan-persatuan kampus di Malaysia dengan peranan berbeza sebagai kelompok nasionalis, sosialis dan Islamis ekoran dipengaruhi idealisme dari parti politik serta pertubuhan bukan kerajaan. Kajian beliau menyentuh dengan ditil kepada perjuangan gerakan pelajar PMUM dan Kelab Sosialis di UM pada tahun 1970-an. Namun, perjuangan gerakan pelajar PMUKM dan KSITM tidak termasuk dalam kajian ini. Dalam perbincangannya, Suhaimi menghuraikan dengan teliti tentang konflik politik kampus di IPT tempatan. Malah, pemikiran tokoh pemimpin gerakan pelajar Melayu berkenaan bangsa dan agama bukan menjadi tumpuan dalam penulisannya. Ia berikutnya,

<sup>34</sup> Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 16; Lihat juga Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 1-2.

<sup>35</sup> Lihat Wang Gung Wu. 2013. Review Article, Student Movements: Malaya as outlier in Southeast Asia. *Jurnal of Southeast Asian Studies*. 44(3): 515-518.

<sup>36</sup> Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 82-88.

<sup>37</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru.





beliau lebih cenderung memaparkan penekanan kritikannya terhadap AUKU yang dianggapnya menyekat kebebasan pelajar atau hak asasi manusia.<sup>38</sup>

Dimensi politik dalam gerakan pelajar di Malaysia juga boleh didapati dalam penulisan Weiss yang berfokuskan kepada impak politik serta pengaruh luar yang mempengaruhi gerakan pelajar di Malaysia.<sup>39</sup> Ini dilihat kepada isu penindasan ke atas umat Islam serta hubungan gerakan pelajar dengan persatuan pelajar negara lain. Weiss membuat kajian meluas tentang gerakan pelajar di Malaysia dengan menggabungkan persekitaran luar kampus seperti hubungan gerakan pelajar dengan parti politik tempatan di Malaysia dan badan bukan kerajaan. Justeru, kajian beliau diulas oleh Wang Gung Wu yang menyatakan bahawa, pemahaman terhadap aspirasi perjuangan gerakan pelajar sedikit terhad dalam kajian Weiss kerana menyamai kajian sedia ada berhubung gerakan pelajar di Malaysia.<sup>40</sup> Ikon nasionalis tempatan seperti Abdul Rahman Ya'kub dan tokoh sarjana Islam di luar seperti Abu Ala Maududi yang mencorakkan pemikiran pemimpin pelajar Melayu di IPT seperti Abdul Halim Arshat (Presiden PMUKM 1974) disentuh secara umum dalam kajian Weiss.<sup>41</sup> Justeru, kajian Weiss menumpukan kepada perkembangan perjuangan gerakan pelajar di Malaysia dan tidak bertujuan membincangkan secara mendalam berhubung pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu.

<sup>38</sup> Mohd Suhami Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 29, 38, 80, 97.

<sup>39</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore.

<sup>40</sup> Wang Gung Wu. 2013. Review Article, Student Movements: Malaya as outlier in Southeast Asia. *Jurnal of Southeast Asian Studies*. 44(3): 511-518.

<sup>41</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 172&219.





*Mahasiswa Menggugat* oleh Muhammad Abu Bakar pula memaparkan cita-cita gerakan pelajar dan motif yang mendorong mereka dalam perjuangan politik.<sup>42</sup> Bahagian bab pertama contohnya menonjolkan penelitian beliau secara ditil tehadap perjuangan politik gerakan pelajar di UM yang terlibat dalam politik nasional dan politik kampus.<sup>43</sup> Muhammad Abu Bakar contohnya memberikan maklumat mengenai posisi atau kedudukan pelajar yang terlibat dalam gerakan politik dalam negara mahupun di dalam kampus. Meskipun beliau menegaskan bahawa *Mahasiswa Menggugat* bukan penulisan berbentuk akademik atau lebih kepada pemerhatian beliau semasa menjadi tutor di UM,<sup>44</sup> penulisan beliau memberi pemahaman berhubung perjuangan gerakan pelajar di UM khususnya untuk tahun 1965 hingga 1971. Penulisan beliau menjadi asas kepada pengkaji sejarah gerakan pelajar yang lain untuk melanjutkan kajian bagi tempoh 1970 hingga 1980-an seperti Weiss,<sup>45</sup> Suhaimi Al-Maniri,<sup>46</sup> dan Riduan Mohamad Nor.<sup>47</sup> Weiss, Suhaimi Al-Maniri dan Riduan Mohamad Nor contohnya menfokuskan hubung kait parti politik yang cenderung mendapatkan pengaruh gerakan pelajar dalam strategi mereka untuk menguasai pemerintahan. Parti politik seperti *United Malay National Organization* (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), *Democratic Action Party* (DAP) antara contoh parti politik tempatan yang menjadikan gerakan pelajar sebagai platform untuk meraih sokongan dan melonjakkan populariti politik mereka.<sup>48</sup> Tindakan parti politik tersebut

<sup>42</sup> Muhammad Abu Bakar. 1973. *Mahasiswa Menggugat: Suatu Analisa dan Peninjauan dari dalam Terhadap Kegiatan Mahasiswa-mahasiswa Negeri ini*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ankara. hlm 1.

<sup>43</sup> *Ibid.* hlm 16.

<sup>44</sup> *Ibid.* hlm 1.

<sup>45</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 133, 206-209.

<sup>46</sup> Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 16-24, 154-155.

<sup>47</sup> Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 125-132, 162-165.

<sup>48</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 133; Lihat juga Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik*





dalam meraih sokongan gerakan pelajar dilaksanakan secara langsung seperti memberi peluang pelajar IPT turut serta dalam kempen pilihanraya umum mahupun secara tidak langsung menerusi penyebaran idea-idea parti politik dalam persatuan kampus.

Perjuangan gerakan pelajar Melayu fasa 1970-1980-an bukan sahaja berkait rapat dengan perkembangan DEB atau tempoh kedaulatan Melayu seperti yang dilabel oleh Wang Gung Wu,<sup>49</sup> tetapi turut terdedah dengan fenomena kebangkitan Islam.<sup>50</sup> Kebangkitan Islam merupakan satu usaha gerakan dakwah bebas untuk memberi pemahaman terhadap Muslim supaya mengadaptasi cara hidup Islam lebih murni dalam persekitaran atau cabaran kemodenan.<sup>51</sup> Justeru, gerakan pelajar Melayu sama ada menerusi landasan perjuangan dakwah berteraskan nilai keislaman secara persatuan atau individu seringkali dilabel sebagai golongan atau aktivis Islamis oleh para penulis seperti yang dibincangkan sebelum ini atau akhbar arus perdana sejak awal tahun 1970-an.<sup>52</sup>

Perkembangan zaman kebangkitan Islam di Malaysia sejak 1970-an penting ekoran kemunculan gerakan dakwah seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). ABIM mendapat sokongan meluas dalam kalangan gerakan pelajar Islamis berikutnya “mempromosikan Islam” dengan memberi tumpuan mendesak pemerintah melaksanakan

---

Kampus. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 155; Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources. hlm 164.

<sup>49</sup> Lihat Wang Gung Wu. 2013. Review Article, Student Movements: Malaya as outlier in Southeast Asia. *Jurnal of Southeast Asian Studies*. 44(3): 518.

<sup>50</sup> Lihat Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 4&85; Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 176-177, 216-224.

<sup>51</sup> Ermin Sinanović. 2012. Islamic Revival as Development: Discourses on Islam, Modernity, and Democracy since the 1950s. *Routledge*. 13(1): 3-24; Badilhisham Mohd Nasir. 2015. *ABIM dan PAS dalam Gerakan Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 8.

<sup>52</sup> Konotasi Islamis ini digunakan oleh Weiss dan Al-Maniri. Akhbar seperti *Utusan Zaman* tahun 1974 turut menggunakan konotasi sama secara meluas. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, konotasi Islamis digunakan sebagai merujuk juga kepada pelajar Melayu Muslim yang memperjuangkan nilai-nilai Islam.



program pembangunan Islam.<sup>53</sup> Manakala, gerakan dakwah seperti Darul Arqam dan Jamaah Tabligh juga penting pada zaman kebangkitan Islam dalam memperjuangkan konsep dakwah berteraskan *home-based economy*, serta kepentingan iman dalam kehidupan Muslim.<sup>54</sup> Sungguhpun demikian, perbincangan kesejahteraan masyarakat pada perspektif gerakan pelajar Islamis turut terhad dalam penulisan Al-Maniri atau Weiss khususnya berhubung penentangan pelajar Islamis terhadap budaya hedonisme seperti konsert atau judi.<sup>55</sup> Malah, perbincangan Riduan Mohamad Nor berhubung perjuangan pelajar Islamis di IPT dalam tahun 1980-an kurang memberi tumpuan berkaitan pendirian PAS terhadap hedonisme yang mempengaruhi gerakan pelajar Islamis.<sup>56</sup> Sehubungan itu, perjuangan gerakan pelajar IPT di Malaysia khususnya pada 1970-an hingga 1980-an adalah seiring dengan perkembangan tuntutan kesejahteraan masyarakat oleh gerakan-gerakan dakwah seperti perbincangan di atas. Kajian berhubung konsep pembangunan dalam masyarakat Melayu Muslim contohnya menyarankan bahawa kesejahteraan masyarakat pada perspektif Darul Arqam adalah menjurus kepada pengaplikasian ajaran Islam yang diterjemahkan melalui kegiatan ekonomi serta cara hidup sosial yang mereka amalkan seperti menonjolkan personaliti islamik.<sup>57</sup> Oleh yang

<sup>53</sup> Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 6; Lihat juga Ermin Sinanović. 2012. Islamic Revival as Development: Discourses on Islam, Modernity, and Democracy since the 1950s. *Routledge*. 13(1): 3-24.

<sup>54</sup> Gordon P. Means. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. hlm 131; Badlihisham Mohd Nasir. 2015. *ABIM dan PAS dalam Gerakan Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 195.

<sup>55</sup> Lihat Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 222; Lihat juga Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 79&83.

<sup>56</sup> Riduan Mohamad Nor. 2012. *Sejarah Gerakan Mahasiswa dalam Cerminan Dekad*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.

<sup>57</sup> Khairin Sharep dan Nazirah Lee. 2017. *Konsep "Pembangunan Masyarakat" dalam Kalangan Masyarakat Melayu 1970-1990-an: Satu Cerapan Awal Kepada Media Massa Terbitan Al-Arqam*. hlm 161-171. Prosiding Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017, Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.



demikian, perjuangan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat dalam tempoh kajian adalah penting untuk menilai sama ada gerakan pelajar cenderung mengambil kira perspektif kesejahteraan masyarakat daripada gerakan dakwah seperti Darul Arqam, atau perspektif kerajaan yang menekankan kesejahteraan masyarakat adalah berteraskan pengukuhan ekonomi serta peningkatan taraf hidup.<sup>58</sup>

Penulisan berhubung pemikiran khusus pemimpin gerakan pelajar Melayu awal 1970-1974 seperti Hishamuddin Rais (PMUM), Abdul Halim Arshat (PMUKM) dan Ibrahim Ali (KSITM) masih kurang. Walaubagaimanapun, Weiss dan Suhaimi al-Maniri contohnya menyatakan bahawa Hishamuddin Rais yang mendapat pengaruh sosialis merupakan penggerak kepada perjuangan pelajar mempertahankan masyarakat miskin pada awal 1970-an. Manakala, Ibrahim Ali dan Abdul Halim Arshat sebagai pelajar nasionalis-Islamis di ITM dan UKM yang menerapkan nilai-nilai Islam.<sup>59</sup>

Jelasnya, gerakan pelajar dalam tempoh kajian berjuang atas prinsip yang berbeza sama ada berdasarkan kepercayaan mereka terhadap prinsip sosialis atau berteraskan “Keislaman dan Kebumiputeraan” seperti yang diperkatakan oleh Khairin Sharep dan Nazirah Lee serta Judith Nagata.<sup>60</sup> Kajian terhadap pemikiran seseorang individu perlu

<sup>58</sup> Khairin Sharep dan Nazirah Lee. 2017. *Konsep “Pembangunan Masyarakat” dalam Kalangan Masyarakat Melayu 1970-1990-an: Satu Cerapan Awal Kepada Media Massa Terbitan Al-Arqam*. hlm 161-171. Prosiding Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017, Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

<sup>59</sup> Meredith L. Weiss. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow*. Singapore: National University of Singapore. hlm 159,160, 177; Mohd Suhaimi Al-Maniri. 1995. *Di Sebalik Tabir Politik Kampus*. Bangi: Pustaka Generasi Baru. hlm 73-77, 92-93.

<sup>60</sup> Nagata menggunakan konotasi *Islamic Bumiputeraisme* bagi menunjukkan slogan tersebut pada asasnya digunakan UMNO untuk memperkuuh kedudukan Melayu dan Islam. Tetapi, kajian ini akan lebih menitikberatkan konotasi Kebumiputeraan dan Keislaman sebagaimana yang diutarakan oleh Khairin Sharep, lanjutan ia lebih menggambarkan matlamat perjuangan gerakan pelajar yang akan dibincangkan





mengambil kira aspek seperti karya, ucapan serta penulisan individu tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh Syed Husin Al-Attas dalam memahami pendirian Tan Malaka berhubung Islam dalam *Madilog*.<sup>61</sup> Sungguhpun demikian, demi memahami pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu dalam kajian ini, konteks perjuangan mereka berhubung isu seperti membela rakyat miskin atau isu memartabatkan pendidikan dijadikan asas penting dalam metodologi kajian. Justeru itu, perbincangan terhadap pemikiran pemimpin gerakan pelajar Melayu boleh diklasifikasikan sebagai sejarah idea sebagaimana yang diberi perhatian oleh Anthony Milner.<sup>62</sup> Hal ini kerana, idea pemimpin pelajar berasaskan perjuangan mereka sangat penting dalam memahami sejarah pemikiran mereka berhubung kedudukan agama dan bangsa.



## 1.9 Pembahagian Bab

### Bab Satu

Bab satu membincangkan berkenaan pengenalan kajian ini. Bab ini menyentuh berkenaan objektif kajian, permasalahan kajian, dan kaedah penyelidikan melaksanakan kajian ini.

---

dalam bab empat. Khairin Sharep. 2018. Perkembangan Jamaah Taligh di Malaysia, 1970-1990-an. *Kemanusiaan*. 25(1): 118; Judith Nagata. 1980. Religious Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia. *Pacific Affairs*. 53(3): 436; Khairin Sharep dan Nazirah Lee. 2017. Konsep “Pembangunan Masyarakat” dalam Kalangan Masyarakat Melayu 1970-1990-an: Satu Cerapan Awal Kepada Media Massa Terbitan Al-Arqam. hlm 161-171. Prosiding Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017, Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia: Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

<sup>61</sup> Subjek Al-Attas terhadap manusia baharu dalam masyarakat Islam berfokus kepada tokoh terkemuka Indonesia seperti Soekarno, Tan Malaka dan Sutan Syahir dalam memberi gambaran berhubung idea Barat seperti humanisme dan komunisme yang didokongi mereka. Lihat Syed Hussein Al-Attas. 2015. *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 108-149.

<sup>62</sup> Anthony Milner. 2016. (ed). *Kerajaan: Budaya Politik Melayu di Ambang Pemerintahan Kolonial*. (Terj. Ruhan Shahrir et. al) Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.





## Bab Dua

Bab ini membincangkan sejarah perkembangan gerakan pelajar di Malaysia. Perbincangan meliputi perjuangan pelajar secara umum dalam gerakan mereka dari tahun 1950 iaitu bermula di kampus UM di Singapura hingga tahun 1980-an. Perjuangan popular gerakan pelajar seperti perjuangan anti Tunku, perjuangan untuk masyarakat Tasek Utara dan Baling 1974 dan perjuangan politik Islam di kampus oleh PMI turut menjadi topik perbincangan bab ini.

## Bab Tiga

Bab tiga membincangkan tuntutan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat. Sehubungan itu, bab ini merangkumi perjuangan gerakan pelajar PMUKM menentang unsur rasuah pentadbiran negeri Selangor, perjuangan KSITM mempertahankan maruah Bumiputera, perjuangan gerakan pelajar PMI menentang budaya hedonisme dari Barat dan perjuangan mempertahankan masyarakat miskin Baling. Perbincangan bab ini menjelaskan intipati penting berhubung tuntutan gerakan pelajar Melayu ke arah kesejahteraan masyarakat, sama ada berteraskan bangsa atau agama.

## Bab Empat

Bab ini menganalisis pemikiran tokoh pemimpin gerakan pelajar Melayu. Pelopor yang menjadi pemangkin kepada semangat pemimpin gerakan pelajar Melayu ditonjolkan secara ringkas seperti Abdul Rahman Ya'kob dan Maududi. Pemikiran pemimpin gerakan pelajar yang akan dikaji adalah meliputi tokoh-tokoh berpengaruh dalam gerakan pelajar





Melayu seperti Ibrahim Ali (KSITM), Hishamuddin Rais (PMUM dan Kelab Sosialis) dan Abdul Halim Arshat (PMUKM).

## Bab Lima

Bab ini merumuskan segala analisis daripada perbincangan bab satu sehingga bab empat. Kesimpulan dapatan kajian turut dihuraikan dalam bab ini untuk menunjukkan sumbangan kajian terhadap sejarah sosial masyarakat di Malaysia.

### 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini akan mendalamai perjuangan sosial yang diutarakan dalam gerakan pelajar Melayu dari tahun 1970 hingga 1980-an dalam konteks tuntutan mereka ke arah kesejahteraan masyarakat. Justeru, kajian akan memberi perhatian menilai tindakan atau perjuangan gerakan pelajar PMUM, PMUKM, KSITM, PMI yang menuntut keadilan sosial dalam masyarakat, mempertahankan maruah dan pendidikan Bumiputera serta mengekang hiburan melalaikan di kampus. Analisis terhadap perjuangan gerakan pelajar Melayu ini akan memperlihatkan pengukuhan pemikiran kepimpinan gerakan pelajar Melayu 1970-1980-an dalam menghadapi setiap pandangan yang selari atau kontra dengan kelompok yang bukan terdiri daripada aktivis pelajar. Ia diharap akan menyumbang kepada pemahaman sejarah sosial di Malaysia menerusi peranan gerakan pelajar Melayu sepanjang tempoh kajian.

